



Available on the App Store



Get it on

[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [BENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#)
[COVID-19 VAKSIN](#) [PRN MELAKA](#)[\(•\) LIVE](#)

Cari kata kunci

[MINDA PEMBACA](#) [KOMENTAR](#) [AGAMA](#) [SASTERA](#) [KOLUMNIS](#) [LAIN-LAIN \(RENCANA\)](#)

Pembangunan pertahanan pacu kemakmuran, keutuhan ekonomi

Oleh Dr Nur Surayya Mohd Saudi - November 9, 2021 @ 11:01am
bhrencana@bh.com.my



Peruntukan dalam Bajet 2022 mempertingkatkan kesiapsiagaan aset utama ATM. - Foto hiasan

BAJET 2022 menunjukkan komitmen besar negara dalam memfokuskan pertahanan sebagai antara belanjawan terpenting dalam perancangan pembangunan. Ia jelas dengan inisiatif kerajaan mengekalkan perbelanjaan pertahanan pada tahap RM16 bilion atau 4.8 peratus daripada pecahan peruntukan keseluruhan perbelanjaan.

Pembangunan pertahanan pacu kemakmuran, keutuhan ekonomi

Jumlah peruntukan pertahanan untuk 2022 sama dengan apa diberikan kepada Kementerian Pertahanan dalam Belanjawan 2021. Kekuatan jumlah ini jelas menunjukkan komitmen berterusan kerajaan memperkasakan pertahanan negara.

Pemahaman dan pendedahan peranan perbelanjaan ketenteraan kepada sebuah institusi dalam memacu keutuhan ekonomi dan kedaulatan negara perlu diterap kepada segenap masyarakat. Perbelanjaan ketenteraan tidak boleh dianggap membebankan negara, sebaliknya ia untuk menjaga benteng pertahanan, kedaulatan dan pemacu keutuhan ekonomi negara.

Sekiranya rakyat mempunyai pemahaman mendalam mengenai sumbangan ketenteraan dan pertahanan dalam menjana ekonomi negara, setiap individu isi rumah akan bersama menjaga keamanan dan perasaan cintakan negara akan menebal tidak mengira warna kulit, agama dan bangsa.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Kertas Putih Pertahanan dibentang di Parlimen November ini - Mohamad**
- **Industri pertahanan mampu tingkat pembangunan negara**
- **Penduduk pedalaman Sabah terima manfaat besar BKM - Arthur**
- **Kerajaan komited sediakan dana untuk RMK-12**

'Kemakmuran Ekonomi' antara inti pati dalam Bajet 2022 yang tidak akan tercapai tanpa negara aman dan damai. Pernyataan ini merujuk kepada peranan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam menjaga pertahanan serta kedaulatan negara daripada serangan ancaman luar dan dalam negara yang boleh menjelaskan kemakmuran negara.

Daripada peruntukan RM16 bilion diberikan kepada Kementerian Pertahanan, sebahagian pecahan jumlah terbabit, iaitu RM1.865 bilion diperuntukkan bagi mempertingkat kesiapsiagaan aset utama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan penambahbaikan sosioekonomi anggota ATM dan keluarga (RM200 juta).

Pembangunan pertahanan pacu kemakmuran, keutuhan ekonomi

Selain itu, peruntukan diberikan ke arah memperkuatkan kedaulatan negara dengan menambah lapan pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA) antaranya di Pagalungan, Sabah dan Temong Mura, Sarawak bagi meningkatkan kawalan keselamatan sempadan berterusan.

Malah, kerajaan juga akan menambah empat pintu masuk imigresen baharu antaranya di Telok Melano dan Baleh, Sarawak bagi memenuhi keperluan peningkatan pergerakan melalui imigresen susulan perubahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan serta pembukaan Lebuhraya Pan Borneo jajaran Telok Melano.

Perancangan Bajet 2022 dilihat selari objektif pertama dan kedua Strategi Pertahanan Negara termaktub dalam Kertas Putih Pertahanan Negara (2020-2030), iaitu pertama, pembangunan pelbagai domain bagi mengesan, mencegah dan menafi ancaman.

Kedua, peningkatan daya ketahanan dalam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan dan masyarakat. Inisiatif ini bertepatan agenda termaktub dalam Perancangan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Dasar Keselamatan Negara (2021-2025). Pertahanan sangat berkait rapat dengan keutuhan dan kemakmuran ekonomi sesebuah negara.

Tonggak kelima dalam Dasar Keselamatan Negara (2021-2025) menggariskan 'Keutuhan Ekonomi' sebagai antara domain kekuatan sesebuah negara. Keutuhan Ekonomi bermaksud negara mempunyai ekonomi mapan serta berdaya tahan terhadap ancaman berkaitan ekonomi dari dalam dan luar negara.

Situasi ekonomi tidak kukuh akan menjadikan kestabilan negara akibat kemiskinan, pengangguran dan rasa tidak puas hati masyarakat. Dasar Keselamatan Negara (2021-2025) juga menghuraikan 'Keutuhan Ekonomi' membabitkan penyertaan, pemilikan, pembabitan dan penguasaan rakyat dalam memastikan kelangsungan ekonomi negara.

Keadaan ekonomi mapan mempengaruhi pengukuhan tahap keselamatan negara dan kepincangannya berpotensi mengancam keselamatan. Bagaimanapun, perbelanjaan ketenteraan untuk Malaysia dilihat berada pada tahap baik jika dibandingkan negara ASEAN lain.

Tahap perbelanjaan ketenteraan Malaysia berbanding negara sedang membangun lain perlu sentiasa diteliti agar kita tidak jauh ketinggalan kerana ia mencerminkan prinsip serta dasar sesebuah negara.

Selain itu, dapat dilihat negara mempunyai perbelanjaan ketenteraan tinggi mempunyai tahap ekonomi pesat. Contoh negara ASEAN mempunyai perbelanjaan ketenteraan tinggi dan ekonomi membangun ialah Singapura, Thailand serta Vietnam.

Justeru, belanjawan akan datang perlu terus mengangkat perbelanjaan ketenteraan sebagai elemen dan pecahan terpenting dalam memacu pembangunan ekonomi mapan.

Walaupun Malaysia tidak mengalami ketegangan diplomatik ketara dengan mana-mana pihak pada masa ini, kesiapsiagaan menghadapi ancaman luar perlu diberi perhatian serius kerana pembangunan pertahanan dan kesiapsiagaan bukan perkara jangka pendek dan berkala, sebaliknya usaha berterusan.

Penulis adalah Pengarah Pusat Pengajian Sepanjang Hayat (APEL) dan Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)